



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 9 NOVEMBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	HPPNK SASAR 350,000 PENGUNJUNG, NASIONAL,SH-5. HPPNK 2023 RETURNS WITH LARGER SCALE, DIFFERENT EXHIBITION CONCEPTS, NATION, SIN CHEW DAILY-15 OP BPS TANGANI KEKURANGAN BEKALAN BENIH PADI, NASIONAL,BH-20 OP BPS ZON UTARA TANGANI KEKURANGAN BENIH PADI SAH, NASIONAL, SH-21 TIADA LAGI SUBSIDI AYAM SECARA PUKAL, NASIONAL, SH-11 BPS OPERATION IS LAUNCED IN KEDAH TO KEEP RICE PRICE UNDER CONTROL, NATION, SIN CHEW DAILY-11 LICENSE SUSPENSION IF AUTHENTIC RICE SEEDS SOLD ABOVE MAXIMUM PRICE : MAFS, NATION, KWONG YAH YIT POH-A4B IRELAND, MALAYSIA KUKUH DAGANGAN AGROMAKANAN, BISNES, HARIAN METRO-27	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
9. 10.	RM60M REVENUE ACHIEVED VIA AGRO MADANI SALES, NATION, THE SUN-5 KERJASAMA FAMA, GOLOG BANTU USAHAWAN PASARKAN PRODUK, NIAGA,KOSMO-38	LEMBAGA PEMASARAN PERSEKUTUAN FAMA(FAMA)
11.	PROJEK AKUAKULTUR DI TANAH TERBIAR, DALAM NEGERI,UM-8	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
12.	NAFAS-NEKMAT ANJUR E-SUKAN, GALAK MUDA ANAK MUDA KE HPPNK 2023, NASIONAL, SH-9	PERSATUAN PERTUBUHAN NELAYAN KEBANGSAAN (NAFAS)
13. 14. 15. 16. 17. 18.	MOSTI CADANG HASILKAN VARIETI PADI BAHARU, NASIONAL,SH-10 SUGGEST LOWERING PRICES OF CHICKEN PRODUCTS, NATION,CHINA PRESS-A6 BAKA PADI NUKLEAR LEBIH LASAK, NEGARA,KOSMO-5 APUNGKAN HARGA TELUR ELAK MANIPULASI KARTEL, NASIONAL,SH-11 NAIK TARAF PENTERNAK SEDERHANA KEPADA SUPER BESAR, NASIONAL,SH-11 PADI NUKLEAR BERJAYA TINGKAT HASIL, NASIONAL, BH-14	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

HPPNK sasar 350,000 pengunjung

Komitmen KPKM didik masyarakat kepentingan agromakanan negara

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI
SHAH ALAM

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyasarkan kehadiran 350,000 pengunjung ke acara berprestijnya, Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2023 yang akan diadakan di Dataran Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak bermula 10 hingga 12 November 2023.

Bertemakan 'Keterjaminan Makanan Untuk Masa Depan' HPPNK akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan dijangka mendapat sambutan meriah.

Kali terakhir HPPNK diadakan ialah pada tahun 2019 iaitu sebelum pandemik Covid-19 melanda negara.

KPKM dalam satu kenyataan berkata, HPPNK 2023 dianjurkan bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan sektor agromakanan untuk dijadikan satu agenda dalam negara demi kesejahteraan rakyat dan kestabilan pembangunan negara.

"Sambutan HPPNK juga diadakan sebagai tanda penghargaan kerajaan terhadap sumbangan peladang, penternak dan nelayan yang menjadi penyumbang utama makanan di negara kita.



HPPNK menjadi medan yang menghimpunkan setiap komponen sektor pertanian negara di samping memberi maklumat dan pengalaman yang bermanfaat kepada para pengunjung.

"Malah, HPPNK adalah salah satu platform untuk memamerkan kisah kejayaan para peladang, penternak dan nelayan di samping menggalakkan dan menarik minat golongan muda untuk menceburi sektor pertanian," jelas KPKM dalam kenyataan itu pada Isnin.

HPPNK 2023 melibatkan kerjasama KPKM serta jabatan dan agensi di bawahnya dengan Kerajaan Negeri Perak dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sebagai agensi pelaksana serta kerjasama dari rakan-rakan strategik, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta yang berkepentingan dalam sektor agromakanan negara.

Selain itu, HPPNK 2023 yang berkonsepkan 'mood' baharu sebagai daya tarikan khusus untuk golongan orang muda dengan empat fokus utama iaitu Agro Milenia berkonsepkan keyakinan bagi golongan muda dan belia, Agroteknologi dan Inovasi berkonsepkan daya cipta, Sejahtera Madani berkonsepkan kemampunan, hormat dan sejahtera serta Agro Madani berkonsepkan sejahtera dan ihsan.

Peluang dan tarikan

HPPNK 2023 juga bakal memberi peluang kepada masyarakat peladang, penternak dan nelayan bertemu melalui ekspo yang berlangsung secara fizikal selama tiga hari.

Penganjurannya dijangka menarik minat golongan muda menceburi bidang

pertanian selain memberikan semangat baharu kepada golongan peladang, penternak dan nelayan di samping memberi kesempatan kepada mereka mendapatkan pengetahuan mengenai pemasaran sekali gus menjana pendapatan yang tinggi.

"Penganjurannya HPPNK 2023 diharapkan akan membantu merencanakan semula ekonomi negara selain menyediakan banyak peluang pekerjaan dalam sektor pertanian dan industri agromakanan," jelas KPKM.

Pada masa sama, HPPNK 2023 turut menawarkan tarikan menarik kepada para pengunjung dengan Jualan Agro Madani Mega yang berkonsepkan 'Makanan Malaysia Madani' dengan 333 aneka menu makanan popular negeri-negeri di seluruh Malaysia bersama menu viral.

Selain itu, HPPNK 2023 turut menonjolkan kepentingan teknologi dan inovasi dalam industri agromakanan negara melalui tujuh showcase seperti mekanisasi, tanaman, ternakan, perikanan, food wastage, kelestarian pertanian dan perubahan iklim serta Internet Peibagai Benda (IoT).

Dari segi teknologi pula, HPPNK 2023 memberi peluang kepada para pengunjung mencuba *combine harvester simulation* yang memberikan pengalaman mengendalikan jentuai padi. Malah, para pengunjung juga boleh melihat secara dekat ternakan seperti lembu hibrid, baka kambing dan ayam saga.

Turut dipamerkan ialah teknologi dron, prototaip sistem pertanian pintar serta model sistem pengairan dan saliran pertanian, *Recirculating Aquaculture System (RAS)* asuhan ikan marin (kerapu dan siakap) dan ternakan higenik (moia) dan lain-lain lagi.

Di samping itu, HPPNK 2023 turut memberi penekanan terhadap pengurusan sisa menerusi penghasilan *by-product* seperti kertas dan benang daripada serat nanas, demo pengurusan sisa dapur bagi penghasilan kompos daripada sisa tanaman serta impak perubahan iklim terhadap sektor pertanian.

Para usahawan juga berpeluang mengikuti program keusahawanan yang

akan berlangsung secara fizikal seperti forum, sesi dialog awam dan ceramah keusahawanan daripada para panel serta usahawan yang berpengalaman.

Keterjaminan makanan

KPKM menegaskan, sejarah telah mencatatkan sama ada di waktu krisis mahupun aman, banyak negara lumpuh hanya kerana ketidakekukan makanan atau kebergantungannya kepada bekalan negara luar.

Justeru, kekuatan dan keupayaan mana-mana negara bukan sahaja ditentukan dengan saiz dan aset ketenteraan, tetapi keupayaannya untuk mempertahankan bekalan makanan.

Malah, makanan turut memainkan peranan besar dalam pembangunan negara menerusi strategi nutrisi yang betul.

Makanan yang dihasilkan menentukan kesihatan gaya hidup dan kecerdasan rakyat sekali gus menentukan masa depan negara.



Info HPPNK:

- Sejarah Hari Peladang bermula dengan sambutan Hari Peladang pertama telah diadakan di Perkarangan Bangunan Parlimen dan dirasmikan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia kedua pada 6 Ogos 1975.
- Pada tahun 1983, Hari Peladang telah ditukar nama menjadi Hari Peladang dan Nelayan dan kemudian pada tahun 1988 dengan penyertaan penternak, sambutan tersebut ditukar kepada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan dan terus kekal sehingga ke hari ini.

Info HPPNK 2023

- Dilaksanakan di Dataran Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh Perak bermula 10 hingga 12 November 2023.
- Sasaran 350,000 pengunjung.
- Pengunjung berpeluang mengunjungi empat ruang tapak utama.
- Jualan Agro Madani Mega berkonsepkan Makanan Malaysia Madani.
- Terdapat 333 aneka menu makanan Malaysia Madani dan makanan popular negeri serta makanan viral.

Empat fokus utama:

- Agro Milenia
- Agroteknologi dan Inovasi
- Sejahtera Madani berkonsepkan kemampunan
- Agro Madani
 - Tujuh showcase (mekanisasi, ternakan, perikanan, food wastage, IoT serta kelestarian pertanian dan perubahan iklim).

Headline	HPPNK 2023 returns with larger scale, different exhibition concepts		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	09 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	15	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	169 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,121
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,364



全國農民、畜牧及漁民日博覽會 規模更大 採用不同展出概念

2023年全国农民、畜牧及渔民日(HPPNK 2023)庆祝活动订于10至12日在霹靂怡保苏丹阿兹兰沙交通圈处盛大举行，并由首相拿督斯里安华主持开幕。

此活动属于博览会性质，每两年举办一次，为我国农业和粮食安全部的轴活动，其规模之大仅次于农业、园艺和农业旅游展(MAHA)。

今年活动与4年前完全不同的概念，以迎合现代生活方式和强着重于确保国家的粮食供应，并以未来国家领袖的青年为目标。

活动主题“确保未来粮食供应”，在于令民众醒觉，为了人民的福祉和国家的稳定发展着想，将农业食品列入国家议程是何等的重要。

今年度全国农民、畜牧及渔民日庆祝活动将透过7个展项凸显科技与创新对国家农业食品的重要性，这些展项分别为机械化、农作物、畜牧业、渔业、浪费食物、物联网与永续农业以及气候变迁。

在场也展示一些新颖科技如无人机、农业工程科技、海洋鱼类循环水养殖系统及卫生畜牧等。(GL)



2023全国农民、畜牧及渔民日博览会将于11月10日盛大举办。

Headline	OP BPS tangani kekurangan bekalan benih padi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	20	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	224 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,446
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,337



OP BPS tangani kekurangan bekalan benih padi

Kuala Lumpur: Bahagian Kawalselia Padi dan Beras (KPB) melancarkan Task Force Operasi Benih Padi Sah (OP BPS) Zon Utara bermula kelmarin, bagi menangani kekurangan bekalan Benih Padi Sah (BPS).

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), berkata pihaknya memandang serius berkaitan kekurangan bekalan BPS dalam pasaran kerana ia adalah isu kritikal yang perlu ditangani segera.

Sehubungan itu, katanya, KPB melancarkan OP BPS Zon Utara bagi memastikan bekalannya mencukupi bagi kegunaan pesawah.

"Task Force OP BPS ini membabitkan pihak KPB di Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak bertujuan bagi memastikan bekalan pengedaran dan penjualan BPS adalah mencukupi.

"Selain itu, ia juga bagi memastikan semua pihak mematuhi harga kawalan runcit baharu berdasarkan Perintah Tetap Ke-

tua Pengarah KPB Bilangan 6/2023," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, Task Force OP BPS pada peringkat Zon Utara menyasarkan pengeluaran dan ejen peruncit di Kedah yang mendapat kebenaran menjual BPS kepada pesawah.

Katanya, pelaksanaan Task Force OP BPS ini akan diadakan selama dua minggu sehingga 21 November depan.

"Sekiranya didapati ada pihak gagal untuk mematuhi perundangan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522), pihak KPKM melalui kuasa Ketua Pengarah KPB berhak membatalkan serta merta atau menggantung setiap lesen yang dikeluarkan.

"Sebarang maklumat atau aduan berhubung isu mengenai kekurangan bekalan BPS di pasaran boleh dikemukakan secara rasmi bersama di portal rasmi KPKM," katanya.



Headline	OP BPS Zon Utara tangani kekurangan benih padi sah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Nov 2023	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	21	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	92 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,030
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,091



OP BPS Zon Utara tangani kekurangan benih padi sah

SHAH ALAM - Bahagian Kawalselia Padi dan Beras (KPB) melancarkan *Task Force* Operasi Benih Padi Sah (OP BPS) Zon Utara bagi menangani kekurangan bekalan benih padi sah (BPS).

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam satu kenyataan pada Rabu memaklumkan, operasi berkenaan akan dilaksanakan selama dua minggu bermula 7 November sehingga 21 November.

“OP BPS ini melibatkan pihak KPB di Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak bertujuan memastikan bekalan pengedaran dan penjualan BPS mencukupi.

“Ia juga bagi memastikan semua pihak mematuhi harga kawalan runcit baharu berdasarkan perintah tetap Ketua

Pengarah KPB Bilangan 6/2023,” menurut kenyataan itu.

KPKM memaklumkan, operasi berkenaan menyasarkan pengeluar dan ejen peruncit di Kedah yang mendapat kebenaran menjual BPS kepada pesawah.

“Sekiranya didapati ada pihak gagal mematuhi perundangan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522), pihak KPKM melalui kuasa Ketua Pengarah KPB berhak membatalkan atau menggantung setiap lesen yang dikeluarkan.

“Sebarang maklumat atau aduan berhubung isu mengenai kekurangan bekalan BPS di pasaran boleh dikemukakan secara rasmi bersama di portal rasmi KPKM,” ujarnya.

Headline	Tiada lagi subsidi ayam secara pukal
MediaTitle	Sinar Harian
Date	09 Nov 2023
Section	Nasional
Page No	11
Language	Malay
Journalist	IZWAN ROZLIN dan NURATIKAH ATHILYA
Frequency	Daily

Color	Full Color
Circulation	140,000
Readership	420,000
ArticleSize	325 cm ²
AdValue	RM 6,890
PR Value	RM 20,670



Tiada lagi subsidi ayam secara pukal

Tindakan diambil kerana ia tidak membantu rakyat yang benar-benar memerlukan

Oleh **IZWAN ROZLIN**
dan **NURATIKAH**
ATHILYA HASSAN
SHAH ALAM

Kerajaan tidak akan mewujudkan kembali subsidi ayam secara pukal kerana ia tidak akan membantu rakyat yang benar-benar memerlukan.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, subsidi pukal sebenarnya tidak memberi

kelebihan langsung kepada kerajaan mahupun industri.

Menurutnya, selama ini mereka yang tidak sepatutnya menerima faedah subsidi itu telah dimanjakan.

"Mereka yang tidak perlu subsidi diberikan subsidi adalah satu pembaziran jadi kita sudah ada formula seterusnya jika ada keperluan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Wacana *Sinar Harian* Siri ke-419 bertajuk 'Tarik Subsidi Ayam: Apa Kesan Kepada Rakyat?' dihoskan oleh Ismail Adnan yang disiarkan di semua platform *Sinar Harian* pada Selasa.

Program ini turut melibatkan Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera, Datuk Armeer Ali Mydin dan Presiden Persatuan Pengguna Kedah, Mohamad Yusrizal Yusoff sebagai panel.

Jelasnya, buat masa ini KPKM akan memastikan pihak terlibat dalam pengeluaran komoditi ayam diselaraskan dengan baik.



FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID

Wacana *Sinar Harian* Siri ke-419 bertajuk 'Tarik Subsidi Ayam: Apa Kesan Kepada Rakyat?' menampilkan (dari kiri) Ismail, Badrul Hisham, Ameer dan Mohamad Yusrizal yang berlangsung di Kompleks Kumpulan Karangkraf pada Selasa.

"Setakat ini komunikasi berlaku dengan baik antara kerajaan mereka dapat berniaga dengan baik hasil kemakmuran negara dan sokongan rakyat."

"Beberapa sesi libat urus telah

dibuat, kita mendengar dan menyampaikan aspirasi kerajaan kerana mereka dapat berniaga dengan baik hasil kemakmuran negara dan sokongan rakyat."

"Jadi mereka juga sepatutnya kembalikan pulangan itu kepada rakyat," jelasnya.

Tambahnya, kerjasama baik dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga membantu menguruskan industri agar harga tidak melonjak terlalu tinggi.

"Dalam masa yang sama kita tidak halang industri buat keuntungan kerana itulah tujuan mereka terlibat dalam perniagaan.

"Kekangan perlu diminimumkan supaya industri dapat tumbuh subur kerana makanan perlu disediakan. Ayam perlu dipelihara bagi memastikan ada bekalan kerana tanpa pengeluar mana mungkin ada ayam dalam negara," ujarnya.

Kerajaan sebelum ini menetapkan subsidi dan kawalan harga ayam ditamatkan bermula 1 November lalu selaras dengan pendekatan penyerasan semula subsidi secara berfasa.

Headline	BPS operation is launched in Kedah to keep rice price under control		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	09 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	11	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	151 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,548
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,644



农业部周二在吉打州展开稻种特别行动管控，以期稳定市场米价。（取自农业部脸书）

管控白米市場免亂漲價 吉展開合法稻種行動

（吉隆坡8日讯）农业及粮食安全部昨日率先在吉打州展开合法稻米种子（BPS）北马区特别行动，以控制白米市场免价格大波动。

该部今日发表文告指出，该部关注合法稻米种子在市场缺货的问题，特别展开上述行动，4州包括玻璃市、吉打、檳城和霹靂州的稻米监管局（KPB）将会涉及此一行动，确保合法稻米种子的批发与生

产充足，以及遵守最新的零售价管控。

“这项行动为期2周时间，从11月7日开始实施至21日，管控对象会是吉打州的合法稻米种子的生产商以及零售商。”

文告指出，任何一方没有遵守1994年稻米和白米管控法令，该部通过稻米监管局即可吊销营业执照。

Headline	License Suspension If Authentic Rice Seeds Sold Above Maximum Price: MAFS		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	09 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A4b	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	71 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 796
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,388



(吉隆坡 8 日讯) 农业部稻米与白米监管总监阿兹曼表示，共有 20 家吉打的零售商因以高于政府设定的 45 令吉顶价出售合法稻米种子 (BPS)，他们的执照立即被吊销。

阿兹曼向《马来西亚前锋报》证实此事时说，这项对付行动是在稻农投诉稻米价格飙升，而难以获得稻种供应后所采取。

他说，该组已对全国 439 家稻种零售商进行执法行动，以确保没有任何一方违反设定的售价。

他提醒所有稻种零售商尤其是吉打、玻璃市、檳城和霹靂州的商家，一旦被发现违反顶价，将立即吊销其稻种销售授权书。

“我身为总监，可立即吊销该销售授权书，目前吉打州已有 20 家公司因售价高于设定的顶价而被吊销。”

农业部: 出售高于顶价稻米种子 吉 20 零售商执照吊销

“如果稻农有证据，请通过四州的稻米与白米监管机构投报，以便我们可以立即采取对付行动。”

同时，阿兹曼表示，政府已保证稻种供应库存足以用于第二季稻米的播种工作，尤其是在吉坡两州。

农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布日前宣布，合法稻种生产商阶段的每包 20 公斤顶价，从 31 令吉调整至 40 令吉，而零售价则从 20 公斤袋装的 35 令吉调整至 45 令吉。

不过，农民组织管理局主席拿督威拉玛夫兹于本月 6 日召开记者会时说，稻农向代理获取稻种供应时，稻种的价格高于政府所规定的顶价，因此他促请政府采取行动加以监管，以保障稻农权益。#

Headline	Ireland, Malaysia kukuh dagangan agromakanan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	112,705
Page No	27	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	116 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,570
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,709



Ireland, Malaysia kukuh dagangan agromakanan

Kuala Lumpur: Ireland berhasrat untuk terus memperkukuhkan perdagangan dua hala dengan Malaysia dalam bidang agromakanan terutama yang berkaitan pengeksportan daging dan produk daging itik.

Perkara itu adalah di antara inti pati kunjungan hormat Menteri Pertanian dan Marin Ireland Martin Heydon ke atas Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu yang berlangsung di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang di sini, baru-baru ini.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan berkata, pertemuan di antara kedua-dua pemimpin itu adalah yang pertama kali diadakan dan menjadi platform bagi membincangkan cadangan ker-

jasama dua hala dalam bidang pertanian dan industri makanan.

“Kedua-dua negara turut berhasrat meneruskan kerjasama erat dalam bidang penyelidikan dan pembangunan dalam sektor pertanian bagi mencapai sasaran keterjaminan makanan serta meningkatkan perdagangan pertanian dua hala termasuk produk-produk perikanan seperti tiram dan udang karang,” menurut kenyataan itu di sini, semalam.

Katanya pada 2022 jumlah dagangan di antara Malaysia dan Ireland adalah sebanyak RM419.35 juta berbanding RM425.15 juta pada 2021.

Di samping itu, bagi tempoh Januari hingga Julai tahun ini, jumlah nilai dagangan merekodkan trend peningkatan iaitu sebanyak RM429.45 juta.

RM60m revenue achieved via Agro Madani Sales

KUALA LUMPUR: The Agro Madani Sales organised nationwide as of Oct 29 recorded revenue of more than RM60 million and benefited more than seven million households.

The Agriculture and Food Security Ministry said in a statement yesterday the programme, carried out with the Federal Agricultural Marketing Board (Fama), Farmers' Organisation Authority and the Fisheries Development Board, drew the participation of 54,300 entrepreneurs, exceeding the target of 46,000.

"The Agro Madani Sales is seen as one of the ministry's 'quick win' programmes in helping producers market their products directly to consumers, which helps to reduce the people's living costs, with

➤ Initiative among ministry's 'quick win' programmes to help reduce cost of living burden on people

products sold at 10% to 30% lower than market prices for selected items."

The ministry said it has held 71% of the Agro Madani Sales events for this year at 3,569 locations nationwide, comprising 401 government complexes, 926 high-density housing areas and 2,242 Fama retail outlets.

Among the special attractions at the Agro Madani Sales is the sale of selected fresh products such as

vegetables, fruits, chicken, eggs, fish, sugar and cooking oil as well as the Madani Combo promotion.

Apart from that, the ministry also focused on the issues and challenges of food security, supply sufficiency and the increase in living costs, Bernama reported.

"Therefore, to deal with this issue, several initiatives have and are being implemented. Among them are fresh agro-food marketing services covering the purchase of agricultural

produce from farmers, or the buy-back programme known as *i-Bela*, and the Agro Madani Sales programme, which is the latest to offer affordable prices to consumers."

The statement said the ministry is committed to ensuring that the food supply for the people's needs is sufficient and guaranteed through the 2021-2030 National Agro-Food Policy and the 2021-2025 National Food Security Policy Action Plan.

"Various initiatives and programmes have and are being implemented to increase the capacity of local food production to reduce the country's dependence on food imports and, at the same time, guarantee the country's food security."

Headline	Kerjasama FAMA, Golog bantu usahawan pasarkan produk		
MediaTitle	Kosmo		
Date	09 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	155,996
Page No	38	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	322 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,356
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,068



FOONG HIN (empat dari kiri, belakang) sedang menyaksikan pertukaran dokumen MoU antara Golog dan FAMA di Putrajaya baru-baru ini.

Kerjasama FAMA, Golog bantu usahawan pasarkan produk

PUTRAJAYA – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bekerjasama dengan sebuah syarikat logistik tempatan, Golog GoBuilders Sdn. Bhd. (Golog) sebagai usaha untuk meluaskan lagi pasaran produk pertanian dan usahawan.

Melalui kerjasama terbabit, Golog akan menyediakan aplikasi pesanan, khidmat logistik serta ruangan bilik sejuk beku bagi usahawan yang ingin memasarkan barangan mereka ke seluruh Semenanjung.

Perkhidmatan tersebut tidak hanya memfokuskan kepada jumlah produk yang besar, tetapi menerima pesanan daripada syarikat berskala kecil untuk membuat penghantaran dalam

skala yang kecil juga.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, inisiatif antara FAMA dan Golog itu telah membuka lembaran baharu kepada usahawan yang sebelum ini mempunyai sedikit kesukaran untuk memasarkan produk dalam skala kecil.

Ini kerana katanya, kebanyakan produk agromakanan rosak terutamanya buah-buahan dan sayur-sayuran, jadi ia memberikan risiko kepada usahawan untuk memasarkan hasil mereka ini.

"Golog akan menyediakan sistem penghantaran produk melalui aplikasi dalam talian serta menyediakan ruangan dalam bi-

lik sejuk jadi ini akan memudahkan usahawan untuk memasarkan barangan secara segar.

"Selain itu, Golog juga dapat menyelesaikan isu orang tengah bagi mengurangkan kos logistik dan golongan sasaran mendapat harga yang lebih murah," katanya selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Golog, Ivan Chin berkata, buat masa ini perkhidmatan yang disediakan pihaknya meliputi seluruh negeri di Semenanjung Malaysia.

Tambah belia, pihaknya akan meluaskan khidmat penghantaran ke Sabah dan kemudiannya ke Sarawak tahun hadapan.

Headline	Projek akuakultur di tanah terbiar
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	09 Nov 2023
Section	Dlm Negeri
Page No	8
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily

Color	Full Color
Circulation	107,609
Readership	322,827
ArticleSize	254 cm ²
AdValue	RM 10,386
PR Value	RM 31,158



Projek akuakultur di tanah terbiar

JASIN: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan mengenal pasti kawasan tanah terbiar milik persatuan nelayan di seluruh negara untuk dibangunkan sebagai projek ternakan akuakultur.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, usaha itu bagi meningkatkan keupayaan akuakultur dalam membekalkan sumber protein, sekali gus menyokong program keterjaminan makanan pada masa depan.

Kata beliau, antara lokasi yang telah dikenal pasti dan sedang dinaik taraf adalah Bukit Malut dan Pantai Merdeka, Kedah; Badong, Pahang dan Juru, Pulau Pinang.

"Kita menyahut seruan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang menetapkan sasaran hasil ikan daripada aktiviti akuakultur mencapai 60 peratus Tahap Sara Diri (SSL). Jadi kita akan meng-



MUHAMMAD Faiz Fadzil (empat dari kiri) menunjukkan udang putih yang ditenak di tapak projek ternakan udang dalam kolam fasa dua di Kampung Sebatu, Sungai Rambai, Melaka. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

gerakkan semua aset yang ada termasuk kolam ternakan yang sebelum ini terbiar untuk segera

diusahakan.

"Kita juga mahu pastikan persatuan nelayan di bawah LKIM

mempunyai produk perikanan sendiri. Oleh itu mana-mana persatuan nelayan negeri yang memiliki aset (tanah), kita akan pastikan mereka terlibat," katanya dalam sidang akhbar Majlis Perasmian Program Jualan MyAqua' Best di sini, hari ini.

Tambah Muhammad Faiz, LKIM memperuntukkan kira-kira RM5 juta bagi tujuan tersebut dengan beberapa lagi lokasi telah dikenal pasti.

Menurutnya, projek itu turut melibatkan pembiayaan daripada pihak swasta dan persatuan nelayan di kawasan terlibat.

"Kos setiap kawasan adalah berbeza. Contohnya kita salurkan RM1.4 juta untuk projek di Badong bagi pembelian kolam kanvas sementara Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) mengeluarkan kos RM8 juta antaranya untuk membeli peralatan, benih dan kos rawatan air," ujarnya.

Headline	NAFAS – NEKMAT anjur e-sukan, galak anak muda ke HPPNK 2023		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	9	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	398 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,438
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,314



NAFAS – NEKMAT anjur e-sukan, galak anak muda ke HPPNK 2023

PETALING JAYA - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) akan menganjurkan Pertandingan e-Sukan sebagai tarikan untuk menggalakkan golongan belia berkunjung ke Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2023.

Penganjuran acara dwi-tahunan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan tahun ini akan berlangsung bermula 10 hingga 12 November 2023 di Dataran Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak dengan pengisian yang lebih segar diketengahkan sebagai daya tarikan bagi pendedahan kepada golongan muda.

Dibawah segmen Agro Millenia, NAFAS dan NEKMAT menyediakan platform bagi anak-anak muda untuk menunjukkan bakat serta memupuk semangat berpasukan dan bekerjasama dalam permainan sukan elektronik, *Mobile Legends* yang semakin popular di pada masa kini.

Syarat penyertaan adalah secara berkumpulan dan peserta berpeluang memenangi hadiah terkumpul sebanyak RM10,000. Juara akan membawa pulang RM3,000, trofi dan sijil penyertaan, manakala juara harian juga akan memenangi wang tunai.

Para pengunjung yang hadir berpeluang untuk bertemu penggiat profesional e-Sukan seperti Ikuto, Sir Cloud dan Aiman Laphel menerusi sesi temu mesra. Selain itu, pengunjung juga boleh merasai pengalaman bermain

“

Para pengunjung yang hadir berpeluang untuk bertemu penggiat profesional e-Sukan seperti Ikuto, Sir Cloud dan Aiman Laphel menerusi sesi temu mesra.”

permainan bola sepak FIFA 2024 secara percuma melalui platform PlayStation 5. Lebih menarik, pelbagai hadiah cabutan bertuah istimewa turut disediakan buat pengunjung yang bernilai sehingga RM10,000.

NAFAS turut mengadakan jualan produk jenama Peladang dan juga input pertanian di segmen Agro Madani antaranya, baja sebatian berskala kecil jenama Peladang, baja khas yang diformulasi untuk tanaman durian bagi peringkat anak benih dan juga kit pertanian bandar. Istimewanya pengunjung yang membeli 10 bag baja durian 1- kilogram akan menerima satu kit pertanian bandar secara percuma. Di segmen Agro Teknologi dan Inovasi pula, pengunjung boleh melihat secara dekat dan mendapatkan maklumat mengenai jentera pelbagai fungsi yang direka khusus untuk kerja-kerja di sawah, ladang sawit dan kawasan pertanian.

NEKMAT pula akan mengadakan promosi dan jualan hasil perikanan jenama ENNA di segmen Agro Madani.



Pelbagai jualan dengan potongan harga dan kombo jualan akan diadakan istimewa untuk pengunjung HPPNK 2023.

Para pengunjung jangan lepaskan peluang untuk hadir ke HPPNK 2023.

Acara ini merupakan platform untuk peladang, penternak dan nelayan mengetengahkan hasil-hasil pertanian dan teknologi terkini serta membuka peluang perniagaan kepada mereka yang berminat dengan sektor pertanian.

Headline	Mosti cadang hasilkan varieti padi baharu
MediaTitle	Sinar Harian
Date	09 Nov 2023
Section	Nasional
Page No	10
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily

Color	Full Color
Circulation	140,000
Readership	420,000
ArticleSize	191 cm ²
AdValue	RM 4,049
PR Value	RM 12,148



Mosti cadang hasilkan varieti padi baharu

KUALA LUMPUR - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) bercadang untuk menjalin kerjasama dengan Jabatan Pertanian Sabah (JPS) dalam penyelidikan varieti benih padi baharu sebagai usaha meningkatkan hasil tanaman padi tempatan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, cadangan tersebut sebagai alternatif untuk memberi pilihan kepada pesawah tempatan mempelbagaikan jenis tanaman.

"Saya risau dengan data yang dikeluarkan JPS mengenai kadar pengeluaran padi di Sabah telah menurun sejak tiga tahun kebelakangan ini.

"Agensi Nuklear Malaysia sedang dalam usaha membawa dan mengkomersialkan varieti padi nuklear (NMR152) ke Sabah un-



ARTHUR

tuk mempelbagaikan benih padi sedia ada.

"Cuma cabarannya ialah varieti ini belum diperakukan oleh JPS, maka kita tidak dibenarkan membawa masuk padi ini untuk digunakan di sana," katanya bagi menjawab soalan **Riduan Rubin (Bebas-Tenom)**.

Dalam pada itu, Arthur berharap cadangan Mosti tersebut disambut baik oleh JPS dengan

memudah cara kelulusan penggunaan secara meluas padi NMR152 supaya hasil pembangunan dan penyelidikan (R&D) bernilai jutaan ringgit itu dapat dinikmati oleh semua rakyat termasuk di Sabah.

Mengenai varieti NM152, Ahli Parlimen Pensiangan itu berkata, Agensi Nuklear Malaysia menghasilkan padi nuklear itu menggunakan teknik biak baka mutasi.

Beliau menjelaskan, varieti itu berdaya tahan tinggi terhadap penyakit serta ancaman cuaca serta serangga.

"Varieti ini telah diperakukan oleh Jawatankuasa Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JKBKKIPB), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sebagai benih padi sah dan telah mula digunakan oleh petani di bawah skim subsidi kerajaan.

"Hasil kajian mendapati varieti padi ini yang ditanam di pelbagai lokasi di Semenanjung menunjukkan purata hasil padi boleh ditingkatkan daripada 20 peratus hingga 60 peratus bergantung kepada lokasi, pengelasan tanah dan juga kaedah pengurusan sawah yang baik.

"NMR152 merupakan teknologi tempatan yang mampu mengurangkan kos input pertanian seperti baja antara 30 peratus hingga 50 peratus," jelasnya.

Headline	Suggest lowering prices of chicken products
MediaTitle	China Press
Date	09 Nov 2023
Section	Nation
Page No	A6
Language	Chinese
Journalist	N/A
Frequency	Daily

Color	Full Color
Circulation	127,822
Readership	383,466
ArticleSize	86 cm ²
AdValue	RM 1,696
PR Value	RM 5,089



(吉隆坡8日讯)农业及食品安全部副部长拿督陈泓缜建议, 随著肉鸡价格在政府取消顶价措施和补贴机制后下降, 售卖肉鸡类食品的业者也应下调产品售价。

他今日在国会下议院, 为2024年财政预算案委员会阶段辩论进行部门总结时说, 在取消顶价措施和补

雞價浮動建議雞肉食品降價

贴机制后, 一些霸市肉鸡售价下降至每公斤7令吉45仙或7令吉60仙。

“国内目前肉鸡供应稳定, 政府也继续为鸡农提供补贴, 以稳定肉鸡供应市场。”

另一方面, 国盟伊斯兰党亚委

区国会议员拿督斯里沙希淡卡欣参与辩论时说, 国家稻米公司(BERNAS)在过去20多年赚取数百万令吉利润, 该公司不可能不可以做出利润规划, 例如在首5年亏损,

但在之后再赚回利润。

对此, 陈泓缜说, 他非常关注沙希淡所提出的问题, 但他揶揄后者, 在担任政府期间和现在做反对党的想法不同, 就像国家稻米公司垄断白米市场是新的课题一样。

“事实上, 是国盟政府重新颁布10年垄断合约给该公司。”

Headline	Baka 'padi nuklear' lebih lasak
MediaTitle	Kosmo
Date	09 Nov 2023
Section	Negara
Page No	5
Language	Malay
Journalist	Zulkifli Manzor
Frequency	Daily

Color	Full Color
Circulation	155,996
Readership	467,988
ArticleSize	414 cm ²
AdValue	RM 10,744
PR Value	RM 32,232



Malaysia berjaya hasilkan benih tahan penyakit, cuaca, serangga

Baka 'padi nuklear' lebih lasak

DEWAN RAKYAT

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) berjaya menghasilkan benih padi NMR152 atau lebih dikenali sebagai 'padi nuklear' menerusi teknik biak baka mutasi.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI), Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, baka baharu tanaman itu berdaya tahan tinggi terhadap penyakit serta ancaman cuaca dan serangga.

"Varieti ini telah diperakukan oleh Jawatankuasa Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JKBKKIPB), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sebagai benih padi sah dan telah mula digunakan oleh petani di bawah skim subsidi kerajaan.

"Hasil kajian mendapati varieti padi ini yang ditanam di pelbagai lokasi di Semenanjung menunjukkan purata hasil padi boleh ditingkatkan daripada 20 hingga 60 peratus bergantung kepada lokasi, pengelasan tan-



GAMBAR fail bertarikh 21 September 2023 menunjukkan pekerja menanam padi menggunakan kaedah transplanter (calit) di Parit 2 Sungai Haji Dorani, Sungai Besar. – SADDAM YUSOFF

ah dan juga kaedah pengurusan sawah yang baik," katanya pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Riduan Rubin (**Bebas-Tenom**) sejauh manakah teknologi nuklear telah diaplikasikan secara optimum di dalam inovasi pertanian bagi menambah baik kualiti, mutu dan meningkatkan pengeluaran pertanian.

Terdahulu, beliau berkata, Nuklear Malaysia giat menjalankan penyelidikan, pembangunan dan inovasi berteraskan teknologi nuklear dalam bidang perta-

nian melibatkan penghasilan varieti baka baharu tanaman yang lebih berkualiti, penghasilan produk biobaja dan penggalak tumbuhan dan juga pembangunan sistem pengurusan agro-ekosistem pintar.

Menurut beliau, bagi tujuan tersebut, mulai tahun 2016 sehingga 2023 MOSTI telah memperuntukkan sejumlah RM15.73 juta untuk pembangunan teknologi nuklear dalam bidang pertanian.

Kata beliau, menerusi penyelidikan, pembangunan dan

inovasi yang telah dilaksanakan, Nuklear Malaysia telah berjaya menghasilkan serta mengkomersialkan produk biobaja dan kitosan yang berupaya meningkatkan kecekapan penggunaan baja dalam keseluruhan rantaian tanaman pertanian.

"Teknologi nuklear ini turut diaplikasi dalam pembangunan kaedah pengurusan pertanian cekap melibatkan teknik pencirian kesuburan tanah, strategi pembajaan dan pengurusan air serta sistem pemantauan dan prediksi serangan penyakit tanaman," katanya.

Apungkan harga telur elak manipulasi kartel

SHAH ALAM – Selepas harga ayam di-apungkan, kerajaan perlu bertindak segera mengapungkan harga telur bagi mengelak harga dan bekalan runcit bahan itu terus dimanipulasikan kartel.

Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera, Datuk Ameer Ali Mydin menggesa kerajaan mengapungkan harga telur dalam waktu terdekat.

Beliau turut mengakui jika harga telur ayam diapungkan sekarang pasti harganya akan naik.

“Saya bukan kata sebab kos *production*, tapi saya tengok harga antarbangsa. Di Thailand, telur 65 sen sebiji, kita pula 45 sen, keluar subsidi 10 sen baru jadi 55 sen.

“Tapi bekalan telur ayam di pasaran tidak turun, telur itu ada tapi yang disubsidi sahaja tiada, sebab operator pun pandai juga mereka tidak mahu jual gred A, B, C sebab nak jual telur omega,” katanya.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad itu berkata, jika harga telur diapungkan segera dalam tempoh empat hingga lima bulan lagi pasti bekalan baharu akan wujud.

“Jika apung sekarang nak raya nanti bekalan telur gred A, B dan C ada, jangan



AMEER

jadi macam tahun lepas kena pakai telur omega buat biskut, mahal.

“Harga ayam naik boleh turun, tapi kalau di pasaran biskut harga RM22 boleh jadi naik RM23 sebalang, kartel lagi suka,” selorohnya.

Jelasnya, ia bukan sebab tiada telur di negara ini tetapi yang ada hanya telur omega.

“Jadi rakyat B40 kena bayar RM18 untuk telur omega dan terpaksa beli juga. Baik kita apungkan telur naik RM3 satu papan, sekurang-kurangnya bekalan telur tidak putus,” ujarnya.

Naik taraf penternak sederhana kepada super besar

SHAH ALAM - Kerajaan dicadangkan untuk menaik taraf penternak sederhana kepada super besar bagi meluaskan persaingan sihat dan menghapuskan kartel dalam usaha menstabilkan harga ayam.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, penternak dalam negara mempunyai empat kategori iaitu super besar, sederhana, kontrak dan mikro yang saling bergantung antara satu sama lain.

"Langkah intervensi yang boleh diambil adalah dengan menaik taraf penternak di kategori kedua kepada katego-



MOHAMAD YUSRIZAL

ri pertama. Apabila kategori pertama lebih banyak, ia akan meningkatkan persaingan dan tidak akan ada lagi kartel.

"Ini kerana kategori kedua (sederhana) memainkan peranan yang besar di peringkat negeri tetapi tidak mampu untuk naik ke kategori pertama kerana kekurangan modal, mesin, tanah dan sebagainya," katanya.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan, kerajaan perlu mengambil langkah persediaan bagi menghadapi sebarang kemungkinan agar bekalan ayam dalam negara sentiasa mencukupi.

Ujarnya, dengan mengambil kira pendapatan rakyat kini berada di paras kritikal, ia akan memberi beban kepada me-reka sekiranya berlaku peningkatan harga barang khususnya makanan utama.

"Sebelum ini, kita tidak setuju apabila kerajaan melaksanakan apungan harga secara tergesa-gesa. Tapi hasil usaha keras kerajaan melalui Kementerian Ber-kaitan yang berbincang bersama pihak industri, peniaga kini dilihat akur menjual ayam pada harga rendah.

"Namun, kita perlu lakukan persediaan untuk jangka masa panjang. Kena kawal harga pasaran supaya tidak membebankan pengguna dan tidak ada pihak yang mendapat keuntungan daripada situasi ini," jelasnya.

Headline	Padi nuklear berjaya tingkat hasil		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Nov 2023	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	14	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	93 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,574
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,722



Padi nuklear berjaya tingkat hasil

Pembangunan benih padi NMR152 atau lebih dikenali sebagai padi nuklear oleh Agensi Nuklear Malaysia, berjaya meningkatkan hasil padi.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Arthur Joseph Kurup, berkata peningkatan hasil padi itu bagaimanapun bergantung pada lokasi, pengelasan tanah dan kaedah pengurusan sawah yang baik.

Beliau berkata, padi nuklear dibangunkan menerusi teknik biak baka mutasi, yang mana varieti baka baharu tanaman itu berdaya tahan tinggi terhadap penyakit serta ancaman cuaca dan serangga.

“Varieti ini diperakukan oleh Jawatankuasa Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JKBKKIPB), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, sebagai benih padi yang sah dan mula digunakan oleh petani di bawah skim subsidi kerajaan.

“Hasil kajian mendapati varieti padi ini yang ditanam di pelbagai lokasi Semenanjung menunjukkan purata hasil padi boleh ditingkatkan daripada 20 hingga 60 peratus, bergantung pada lokasi, pengelasan tanah dan kaedah pengurusan sawah yang baik,” katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.